



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

KENYATAAN MEDIA

FELO GAGAL BUKTIKAN SIJIL YANG TULEN AKAN DITAMATKAN DARI TERUS MENYERTAI PROGRAM FELO PERDANA

Program Felo Perdana merupakan program *mentoring* dan *internship* dengan matlamat melahirkan belia yang berdaya saing dan memahami sistem pentadbiran negara. Program ini telah berjaya menghasilkan 763 orang Felo sejak dilancarkan pada tahun 2013. Pengambilan semua Felo telah melalui prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) dan tapisan keselamatan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO).

KBS mengambil maklum akan perkara yang tular berkenaan Felo Perdana yang ditempatkan di Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI). Pelajar universiti awam di ibu negara ini telah menyenaraikan beberapa pencapaian semasa permohonan program Felo Perdana. Namun bagi salah satu pencapaian yang disenaraikan, setelah disemak dengan lebih lanjut bersama penganjur, adalah didapati bahawa sijil yang dikemukakan tidak tulen.

Justeru berkaitan isu ini, beliau akan ditamatkan dari menyertai program Felo Perdana kerana telah melanggar terma perjanjian program. Walau

bagaimanapun, beliau akan ditawarkan untuk mengikuti sesi kaunseling. Pada masa yang sama, KBS akan memulakan siasatan untuk memastikan pelaksanaan program ini dikukuhkan lagi pada masa hadapan.

KBS sentiasa mendukung usaha kerajaan dalam terus memantapkan tatakelola yang baik dalam semua program kerajaan dan tidak akan berkompromi dengan sebarang ketirisan dalam hal ini.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
13 SEPTEMBER 2023